

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah kos dan perbelanjaan yang telah dan akan dikeluarkan bagi penganjuran Sukan Malaysia Johor (SUKMA) yang sepatutnya diadakan tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sukan Malaysia (SUKMA) merupakan Temasya Pelbagai Sukan bawah 21 tahun sukan yang dianjurkan secara dwi tahunan bergilir-gilir mengikut negeri-negeri yang ditawarkan sebagai tuan rumah. Negeri Johor telah dipilih menjadi tuan rumah SUKMA bagi tahun 2020 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia yang telah diadakan pada 14 Mei 2015. Bagi memastikan penganjuran yang berkesan, Negeri Johor telah menubuhkan Sekretariat SUKMA XX Johor pada 1 Mac 2017 dan beroperasi di Iskandar Puteri, Johor.

2. Anggaran kos keseluruhan penganjuran Sukan Malaysia Johor (SUKMA) adalah sebanyak RM 617.9 juta. Kos perbelanjaan bagi 39 venue pertandingan adalah sebanyak RM 467.9 juta (RM 142 peruntukan Kerajaan Persekutuan dan RM 325.9 juta daripada Kerajaan Negeri) dan perbelanjaan operasi pula dianggarkan sebanyak RM 150 juta (RM 65 juta daripada Kerajaan Persekutuan).

NO. SOALAN : 60

3. Perbelanjaan berjumlah RM 467.9 juta adalah bagi pembinaan 12 venue pertandingan baharu, penaiktarafan empat (4) venue dan penyelenggaraan 23 venue yang sedia ada.
4. Manakala bagi perbelanjaan operasi pula, sebanyak RM 40 juta telah dibelanjakan bagi urusan pentadbiran, promosi, persiapan teknikal, sistem pertandingan dan lain-lain lagi.
5. Walaupun SUKMA Johor XX telah ditangguhkan ke tahun 2022, Kerajaan Negeri Johor akan mengekalkan anggaran kos yang ditanggung dengan mengambil beberapa langkah penjimatan yang perlu walaupun dengan penambahan kos operasi sekretariat dan penginapan serta makanan kontinjen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
 NASIR
 [JOHOR BAHRU]**

SOALAN NO. 61

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja yang telah hilang pekerjaan atau punca pendapatan disebabkan penutupan operasi syarikat atau perniagaan serta langkah-langkah yang telah berjaya diambil bagi mengurangkan kadar pengangguran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) sehingga 20 November 2020 seramai **97,821** orang telah kehilangan pekerjaan. Manakala bermula Januari 2020 sehingga 20 November 2020, seramai **77,422** orang yang telah kehilangan pekerjaan yang layak telah menerima faedah daripada SIP melibatkan bayaran keseluruhan adalah sebanyak **RM297.16 juta**.
2. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif di bawah Pakej PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan KITA PRIHATIN bagi membantu majikan dan pekerja yang terjejas untuk mengekalkan pekerjaan.
3. Pada 18 Mac 2020 Kerajaan telah memperkenalkan Program Pengekalan Pekerjaan atau *Employment Retention Programme* (ERP). Program ini menyediakan bantuan kewangan segera (*immediate financial assistance*) sebanyak RM600 pada kadar rata dan bertujuan untuk membantu pekerja yang telah diberi notis cuti tanpa gaji (CTG) agar dapat menampung keperluan harian mereka untuk sementara waktu. Sehingga kini, sebanyak 24,802 majikan yang melibatkan 252,245 orang pekerja telah mendapat manfaat dari program ERP. Pelaksanaan ERP telah berakhir pada 15 Jun 2020.
4. Dalam usaha untuk membantu majikan yang terkesan akibat COVID-19, Kerajaan telah mengambil inisiatif penambahbaikan supaya dapat membantu majikan meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan bagi semua sektor perusahaan. Kerajaan juga telah melaksanakan Program Subsidi Upah (PSU) dengan kadar RM600 sebulan untuk tempoh 3 bulan mulai April 2020 di bawah Pakej PRIHATIN.

SOALAN NO: 61

5. Seterusnya, setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak, Kerajaan telah menambah baik PSU di bawah Pakej PRIHATIN PKS Tambahan iaitu berdasarkan saiz perusahaan dengan kadar antara RM600 hingga RM1,200 sebulan. Pada 5 Jun 2020, PSU telah dilanjutkan lagi untuk tempoh 3 bulan mulai Julai 2020 dan berakhir pada bulan September 2020.
6. Sehingga 20 November 2020, PSU telah menerima sebanyak 331,950 permohonan daripada majikan yang meliputi 2.72 juta orang pekerja. Jumlah keseluruhan bayaran bagi PSU adalah sejumlah RM12.29 bilion.
7. Seterusnya, pada 23 September 2020, Kerajaan sekali lagi telah mengumumkan satu lagi pakej rangsangan yang dikenali sebagai Pakej KITA PRIHATIN yang membawa kepada pelaksanaan Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0) yang melibatkan dana berjumlah RM2.4 bilion. PSU 2.0 ini dilanjutkan untuk 3 bulan lagi mulai Oktober sehingga Disember tahun ini.
8. Bagi PSU 2.0, PERKESO telah menerima sebanyak 73,795 permohonan daripada majikan yang meliputi 740, 279 orang pekerja. Jumlah keseluruhan bayaran bagi PSU 2.0 pula adalah sejumlah RM164.26 juta.
9. Selain itu, Kerajaan turut memperkenalkan Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive Programme*) dan Program Latihan bagi mengurangkan kadar pengangguran. Sehingga 20 November 2020 kejayaan program ini adalah seperti berikut:
 - a) **Program *MyApprentice*** - Seramai **5,499** perantis telah berjaya ditempatkan di bawah program ***MyApprentice***;
 - b) **Program *HireMalaysia*** - Seramai **68,198** pekerja berjaya ditempatkan bagi umur bawah 40 tahun ke bawah dan **10,874** orang pekerja bagi 40 tahun ke atas;

- c) **Insentif Pengambilan Pekerja Tempatan** dari golongan **Orang Kurang Upaya (OKU)**. Seramai **351** Orang Kurang Upaya (OKU) berjaya ditempatkan;
- d) **Bantuan Mobiliti** secara *one-off* kepada pekerja yang berpindah dari lokasi tempat bermastautin ke tempat kerja baharu. Seramai **4,263** orang pekerja telah mendapat faedah melalui Bantuan Mobiliti ini;
- e) **Program Latihan** untuk pekerja berdasarkan keperluan majikan. Seramai **14,029** orang pekerja telah mendapat manfaat dari program latihan; dan
- f) Portal **MYFutureJobs** iaitu portal pekerjaan membantu majikan dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Sejak **MyFutureJobs** diperkenalkan, sebanyak **524,116** kekosongan jawatan dan **389,184** pencari kerja telah didaftarkan

10. Menerusi inisiatif tersebut, Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran dari 5.3% pada bulan Mei 2020 kepada 4.7% pada bulan Ogos 2020. Keadaan ini juga dapat kita lihat di mana bilangan kes kehilangan pekerjaan juga turut menunjukkan penurunan setiap bulan iaitu rekod kes kehilangan pekerjaan adalah paling tinggi pada bulan Jun 2020 (18,579 kes) dan menurun setiap bulan. Kes kehilangan pekerjaan sehingga 20 November 2020 adalah seramai 6,688 pekerja.

11. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah berjaya mengekalkan lebih 2.7 juta pekerja melalui usaha-usaha di atas. Sehingga 20 November 2020 seramai 114,129 pencari kerja telah berjaya ditempatkan.

Sekian, terima kasih.